

20/03/2001

Jabatan Perhutanan tukar warna pakaian seragam

KUALA LUMPUR, Isnin - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang akan menyambut ulang tahun ke-100 penubuhannya pada 16 Oktober ini, merancang menukar warna pakaian seragamnya.

Ketua Pengarah JPSM, Datuk Zul Mukhshar Md Shaari, berkata pakaian seragam kuning yang digunakan sejak 100 tahun lalu, akan ditukar warna yang sesuai dengan keadaan semasa atas permintaan Kesatuan Sekerja JPSM.

Sempena sambutan ulang tahun itu juga, katanya, jabatan itu menyusun pelbagai aktiviti termasuk acara kemuncak pada 16 Oktober yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Dr Mahathir akan melancarkan Buku Sejarah Bergambar 100 Tahun JPSM dan Buku Teknikal 100 Tahun Perhutanan serta pelancaran Setem Pos Kenang-Kenangan 100 Tahun JPSM.

"Sambutan ini bertujuan memperingati sejarah, menyingkap perkembangan, fungsi, peranan dan kemajuan JPSM sepanjang seabad penubuhannya," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Pada sidang akhbar itu, Zul Mukhsar melancarkan laman web ulang tahun 100 tahun JPSM yang boleh dilawati di www.forestry.gov.my/seabad/ yang turut dihubungkan dengan homepage JPSM.

JPSM ditubuhkan pada 16 Oktober 1901 sempena pelantikan Ketua Pegawai Hutan pertama bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu seperti yang diwartakan melalui Selangor Government Gazette pada 29 November 1901.

Selain kemuncak sambutan pada 16 Oktober, Zul Mukhshar berkata, pihaknya akan menyambut Hari Perhutanan Sedunia Ke-30 dan kali ke-25 di peringkat kebangsaan di Politeknik Shah Alam, Selangor yang akan dirasmikan Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo pada 14 April ini.

Beliau berkata, tema sambutan Hari Perhutanan Sedunia kali ini ialah Hutan Kita Tanggungjawab Bersama.

Pelbagai aktiviti seperti Forestthon, ceramah perhutanan di sekolah, lawatan wakil media, penanaman pokok dan pertandingan mewarna turut diadakan.

Beliau berkata, pihaknya juga akan mengadakan Program Perkhemahan Perhutanan Bersama Pelajar Sekolah membabitkan kira-kira 2,000 pelajar pada cuti sekolah semester kedua dari 26-28 Mei ini bagi mendedahkan mereka kepada ilmu dan kepentingan perhutanan.

"Mulai bulan depan sehingga Jun ini, kami akan mewawancara pesara JPSM untuk mengumpul pengalaman untuk direkod serta dijadikan panduan kepada pegawai yang sedang atau akan bertugas di JPSM," katanya.

(END)